

Usaha kita perluas wasatiyyah dipuji

Konsep wasatiyyah yang diamalkan Malaysia menjadi satu mesej perpaduan yang penting dalam menepis segala persepsi buruk terhadap dunia Islam.

Penasihat Agama kepada Raja Jordan, Prof Dr Ahmad Mohammad Hlayyel Hlayyel berkata, kemahuan Malaysia melalui Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam memperkembangkan wasatiyyah wajar dipuji dan diberikan sokongan.

Katanya, pelaksanaan konsep terbabit dapat memperkukuhkan lagi imej keamanan dan keharmonian yang dibawa Islam.

"Kemahuan untuk mencapai wasatiyyah ini (Malaysia) adalah kemahuan yang mencakupi aspek syarak dan pelaksanaan yang ternyata bukan slogan semata-mata, tetapi sebagai reaksi daripada

"Kemahuan untuk mencapai wasatiyyah ini (Malaysia) adalah kemahuan mencakupi aspek syarak dan pelaksanaan yang ternyata bukan slogan semata-mata, tetapi sebagai reaksi Kerajaan Malaysia"

*Ahmad Mohammad Hlayyel Hlayyel,
Penasihat Agama
kepada Raja Jordan*

Kerajaan Malaysia.

"Bukan seperti beberapa negara yang menggelar diri mereka sebagai demokrasi, tetapi sanggup melakukan kehancuran termasuk membenarkan pertumpahan darah dan penindasan wanita," katanya.

Beliau membentangkan kertas kerja bertajuk Pelaksanaan Pendekatan Wasatiyyah Masa Kini: Cabaran dan Masa Depan pada Seminar Antarabangsa Penghayatan Wasatiyyah Dalam Kerangka Maqasid Syariah di Menara FELDA di sini, semalam.

Puji Malaysia

Ahmad Mohammad yang juga Ketua Hakim Syarie Jordan dan Imam Diraja Jordan turut memuji Malaysia yang tidak menindas wanita dan tidak membenarkan pertumpahan darah yang membawa kepada

kehancuran masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

"Ia perlu dalam usaha dan kemahuan yang begitu kental seperti dilaksanakan Malaysia bagi mencapai wasatiyyah sekali gus menyeru umat Islam mempertahankan agama daripada diganggu gugat fahaman negatif.

"Ini agama kita, ini mesej Islam yang wasatiyyah," katanya.

Ketika ditanya mengenai cabaran wasatiyyah pada masa depan, Ahmad Mohamed berkata ayat al-Quran dan hadis yang menyeru manusia kembali ke ajaran sebenar tanpa memfokuskan kepada mana-mana golongan.

Kenyataan beliau diterjemah melalui Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Adnan Mohamed Yusoff.